

Cuaca tidak menentu penduduk takut kembali ke rumah

Mangsa air pasang besar meningkat

Oleh **FAKHRI LUDIN**

utusankelantan@utusan.com.my

■ **KOTA BHARU 27 JAN.**

JUMLAH mangsa yang dipindahkan ekoran fenomena air pasang besar di pesisir pantai Pulau Kundur di sini meningkat daripada 44 orang kepada 72 orang lewat petang ini.

Kesemua mangsa daripada 16 buah keluarga itu dipindahkan ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Kundur sejak malam Ahad lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati cuaca yang tidak menentu seperti angin kencang dan hujan lebat sekali sekala menyebabkan penduduk takut untuk kembali ke rumah masing-masing.

Bencana tersebut menyebabkan beberapa buah rumah di kawasan

itu rosak teruk manakala selebihnya ditenggelami pasir yang dibawa oleh ombak besar.

Seorang penduduk, **Mohd. Nor Shafiq Alias**, 22, berkata, jumlah kemusnahan akibat fenomena itu dapat dikurangkan sekiranya benteng yang dipohon oleh penduduk kampung sejak dua tahun lalu dibina.

Katanya, benteng tersebut amat penting bagi menghalang ombak terus membadai kawasan kediaman penduduk serta mengurangkan kesan hakisan.

"Ombak besar telah menyebabkan hakisan semakin serius di kawasan ini, sebelum permohonan untuk membina benteng dibuat, jarak antara rumah dengan pantai kira-kira 100 meter sekarang jarak tersebut makin dekat kira-kira 10 meter sahaja.

"Kami amat berharap kerajaan mempertimbangkan permohonan

ini bagi mengelak kejadian yang lebih serius yang mungkin boleh meragut nyawa penduduk," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan tersebut di sini hari ini.

Seorang penduduk, **Rohana Husin**, 35, berkata, air pasang besar kali ini membawa ombak besar sehingga menyebabkan hakisan yang teruk di kawasan Pulau Kundur.

Katanya, keadaan itu amat berbeza berbanding fenomena air pasang besar yang melanda kawasan tersebut sebelum ini.

"Saya tinggal di rumah ini bersama suami dan enam anak. Ketika kejadian, secara tiba-tiba rumah kami dihentam oleh ombak besar, kami semua terus berlari keluar meninggalkan rumah kerana bimbang keadaan semakin teruk.

"Kejadian ini menyebabkan beberapa peralatan dan bahagian di rumah saya rosak. Saya anggarkan jumlah kerugian yang dialami lebih RM5,000, jumlah ini besar bagi keluarga kami yang mengharapkan suami yang bekerja sendiri," katanya.



ROHANA HUSIN

